



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR

SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2025

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 20 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah]

- 1 Fatih Corporation telah membeli sebuah kenderaan bernilai RM24 000 dan menetapkan polisi susut nilai atas nilai buku. Tempoh perakaunan berakhir 31 Mac setiap tahun.

Apakah andaian perakaunan yang menerangkan pernyataan di atas?

- I Tempoh perakaunan
 - II Ketekalan
 - III Prinsip Kos
 - IV Wang sebagai ukuran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 2 Antara berikut, manakah yang merupakan ciri perniagaan milikan tunggal?

- A Berupaya mengumpul modal yang besar
- B Bebas membuat keputusan perniagaan
- C Risiko kerugian ditanggung bersama
- D Tanggungan liabiliti terhad

- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan komponen Penyata Pendapatan.

M	• Pulangan keluar • Angkutan masuk • Inventori awal
----------	---

Apakah **M**?

- A Jualan bersih
- B Kos jualan
- C Belanja
- D Hasil

- 4 Encik Ramli membawa masuk tunai RM2 000 ke dalam Perniagaan Burger Ramli miliknya. Separuh daripadanya digunakan untuk membayar Akaun Belum Bayar manakala bakinya dibankkan.

Apakah kesan urus niaga terhadap persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Bertambah RM2 000	Tiada kesan	Bertambah RM2 000
B	Bertambah RM2 000	Berkurang RM2 000	Tiada kesan
C	Bertambah RM1 000	Berkurang RM1 000	Bertambah RM1 000
D	Bertambah RM1 000	Berkurang RM1 000	Bertambah RM2 000

- 5 Apakah dokumen yang terlibat apabila seorang pelanggan menjelaskan hutang dengan menggunakan cek?

- A Resit
- B Bil tunai
- C Keratan cek
- D Baucar pembayaran

- 6 Apakah maklumat yang diperolehi daripada Penyata Akaun?

- I Baki awal Akaun Bank
 - II Invois yang belum dijelaskan
 - III Jumlah hutang yang telah dijelaskan
 - IV Urus niaga yang didebitkan ke Akaun Bank
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

[Lihat halaman sebelah]

7. Urus niaga manakah yang direkodkan dalam Jurnal Am Kedai Motosikal Gloria?
- A Derma motosikal kepada mangsa kebakaran
 - B Jualan motosikal secara kredit kepada Encik Abu
 - C Belian alat ganti secara tunai daripada Yamaha Trading
 - D Alisha Trading memulangkan motosikal kerana kerosakan enjin
8. Apakah urus niaga yang direkodkan di sebelah kredit Buku Tunai?
- A Pembayaran langganan talian internet pejabat
 - B Penerimaan tunai daripada Akaun Belum Terima
 - C Faedah simpanan tetap dikreditkan oleh pihak bank
 - D Pemilik membawa masuk tunai ke dalam perniagaan
9. Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Walid dengan buku tunai runcit memperuntukan panjar runcit berjumlah RM400.

	RM
Pembayaran dalam bulan September 2024:	
Sampul surat berdaftar	60
Belanja membaiki pintu pejabat	50
Belian rak pameran	250
Pinjaman pekerja	70

Berapakah rekupmen pada 1 Oktober 2024?

- A RM180
- B RM220
- C RM400
- D RM430

10 Antara berikut, manakah merupakan kumpulan akaun yang betul?

	Akaun Nyata	Akaun Nominal
A	Mesin	Belian
B	Faedah simpanan	Akaun Belum Terima
C	Kenderaan	Akaun Belum Bayar
D	Sewa diterima	Modal

11 Apakah sebab-sebab Akaun Kawalan Belum Bayar berbaki debit?

- I Pembekal mengenakan caj pengangkutan
- II Pembekal memberikan diskaun selepas hutang dijelaskan
- III Memulangkan barang niaga setelah pembayaran hutang dibuat
- IV Menerima nota debit daripada pembekal perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

12 Apakah tujuan penilaian inventori dilakukan pada akhir tempoh perakaunan?

- A Mengemaskini nilai inventori
- B Mengurangkan kehilangan barang jualan
- C Menilai prestasi untung atau rugi perniagaan
- D Menghitung perbezaan antara jualan dan kos jualan

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

13 Butiran manakah yang dicatatkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

- I Inventori akhir
- II Ambilan
- III Hutang ragu
- IV Susut nilai mesin
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14 Manakah catatan penutupan yang betul?

A	Akaun Insurans			
		RM		RM
	Akaun Perdagangan	12 000	Bank	12 000

B	Akaun Insurans			
		RM		RM
	Bank	12 000	Akaun Perdagangan	12 000

C	Akaun Insurans			
		RM		RM
	Akaun Untung Rugi	12 000	Bank	12 000

D	Akaun Insurans			
		RM		RM
	Bank	12 000	Akaun Untung Rugi	12 000

- 15 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Nabilah pada 31 Disember 2024.

	RM
Sewa belum bayar 1 Januari 2024	1 200
Bayaran sewa	7 600
Sewa tahunan	7 200

Berapakah sewa belum bayar?

- A RM400
 - B RM800
 - C RM1 200
 - D RM1 600
- 16 Pilih padanan yang betul dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

	Item	Komponen
A	Sewa belum bayar	Aset semasa
B	Sewa belum terima	Aset semasa
C	Komisen prabayar	Liabiliti semasa
D	Komisen belum terima	Liabiliti semasa

[Lihat halaman sebelah]

- 17 Petikan dialog berikut berlaku di antara pengurus dengan kerani kewangan.



Apakah catatan bergu yang tepat?

	Debit	Kredit
A	Akaun Belum Terima	Akaun Hutang Lapuk
B	Akaun Hutang Lapuk	Akaun Belum Terima
C	Akaun Belum Terima	Akaun Untung Rugi
D	Akaun Untung Rugi	Akaun Belum Terima

- 18 Maklumat berikut diambil daripada buku Kedai Levict.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 1 Julai 2024

	RM
Alatan pejabat	37 200
Tolak: Susut nilai terkumpul	7 500
	<u>29 700</u>

Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2025

	RM
Alatan pejabat	37 200
Tolak: Susut nilai terkumpul	N

Pada 30 Jun 2025, alatan pejabat disusutnilaikan pada kadar 20% mengikut kaedah baki berkurangan.

Berapakah nilai N?

- A RM5 940
- B RM7 440
- C RM13 440
- D RM14 940

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

- 19 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Al Rashid.

Akaun Pelupusan Alatan Pejabat (petikan)			
	RM		RM
Alatan Pejabat	8 019	Susut Nilai Berkumpul Alatan Pejabat	4 543
		Bank	1 400

Berapakah untung atau rugi pelupusan?

- A Untung pelupusan RM3 476
 - B Rugi pelupusan RM3 476
 - C Untung pelupusan RM2 076
 - D Rugi pelupusan RM2 076
- 20 Situasi berikut telah berlaku dalam Perniagaan Kasawari.

Belian alat tulis tersilap rekod sebagai belian alatan pejabat.

Apakah jenis kesilapan ini?

- A Kesilapan songsang
 - B Kesilapan komisen
 - C Kesilapan prinsip
 - D Kesilapan ketinggalan
- 21 Antara berikut, yang manakah merupakan kesilapan ketara dalam Imbangan Duga?
- A Diskaun Diberi dan Sewa Diterima terlebih catat dengan amaun yang sama
 - B Caj bank masih belum dicatatkan dalam mana-mana buku
 - C Angkutan masuk tersilap rekod sebagai angkutan keluar
 - D Jumlah Jurnal Pulangan Jualan berkurang catat

- 22 Apakah tujuan perbandingan prestasi dalam sesebuah perniagaan?
- A Membantu pihak luar membuat keputusan mengenai kemudahan kredit
 - B Mengetahui kekuatan dan kelemahan perniagaan
 - C Mengetahui kedudukan perniagaan yang lebih baik
 - D Membantu pihak pelabur membuat keputusan yang berkaitan dengan pelaburan

- 23 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan dari pelbagai firma.

	Firma Irsyad	Firma Diana	Firma Zharif	Firma Afiyah
Jualan (RM)	544 000	710 000	877 500	974 400
Kos jualan (RM)	260 000	460 000	685 000	715 000

Firma manakah menunjukkan margin untung kasar yang tinggi?

- A Firma Irsyad
 - B Firma Diana
 - C Firma Zharif
 - D Firma Afiyah
- 24 Apakah kesan sistem catatan tunggal terhadap maklumat perakaunan perniagaan?
- I Mudah untuk menyediakan penyata kewangan
 - II Untung atau rugi tidak dapat dihitung dengan tepat
 - III Sukar mengesan kesilapan di dalam buku perniagaan
 - IV Boleh membandingkan prestasi perniagaan dengan tepat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

- 25 Maklumat berikut diperoleh daripada Gerai Buah-buahan Sumpitan yang mengamalkan rekod tak lengkap.

Penyata Mengira Modal Akhir

	RM
P	63 360
Tolak Q	(14 320)
Modal pada 30 November 2024	49 040

Apakah **P** dan **Q**?

	P	Q
A	Aset	Liabiliti
B	Ambilan	Modal Tambahan
C	Modal Akhir	Modal Awal
D	Aset Semasa	Liabiliti Semasa

- 26 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Pizza Dewi.

	RM
Akaun Belum Terima pada 1 Mei 2024	10 856
Akaun Belum Terima pada 30 April 2025	7 724
Diskaun diberi	680
Peruntukan hutang ragu	1 440
Hutang lapuk	280
Jualan kredit	13 680

Berapakah jumlah penerimaan daripada Akaun Belum Terima?

- A RM8 148
- B RM9 588
- C RM14 412
- D RM15 852

27 Apakah kaedah kawalan tunai yang digunakan dalam perniagaan?

- A Buku Tunai Runcit
- B Kaedah Analisis
- C Belanjawan Tunai
- D Kaedah Perbandingan

28 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Bazli pada 31 Mei 2025.

Buku Tunai (petikan)

	2025		RM
	Mei 17	Komisen	560

Penyata Bank (petikan)

Tarikh	Butir	No Cek	Debit	Kredit	Baki
			RM	RM	RM
2025 Mei 20	Deposit			560	

Bagaimanakah kesilapan tersebut dibetulkan dalam buku tunai dikemaskini?

- A Debit RM560
- B Kredit RM560
- C Debit RM1120
- D Kredit RM1120

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

- 29 Pilih urus niaga yang diambil kira dalam penyediaan Belanjawan Tunai.
- A Belian barang niaga secara kredit
 - B Jualan barang niaga kepada Akaun Belum Terima
 - C Peruntukan hutang ragu atas Akaun Belum Terima bersih
 - D Bayaran ansuran pinjaman beserta faedah kepada pihak bank
- 30 Apakah panduan asas yang digunakan oleh sesebuah perkongsian yang tidak membuat sebarang ikatan perjanjian?
- A Elaun dibayar kepada pekongsi aktif
 - B Faedah atas ambilan 10% setahun
 - C Faedah atas pinjaman 8% setahun
 - D Pembahagian untung rugi mengikut nisbah modal
- 31 Butiran manakah yang dikreditkan dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi?
- A Ambilan
 - B Gaji pekongsi
 - C Faedah atas modal
 - D Faedah atas ambilan

- 32 Maklumat yang berikut diperolehi daripada Perkongsian Serumpun.

	RM
Kenderaan	23 000
Inventori	5 240
Akaun Belum Terima	13 400
Bank	1 600
Akaun Belum Bayar	6 880

Semasa proses pembubaran, semua aset direalis sebanyak RM38 080 dan belanja pembubaran RM600.

Berapakah rugi realisasi?

- A RM2 960
 - B RM3 920
 - C RM4 160
 - D RM5 760
- 33 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Syarikat Berjaya Berhad.

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh 3 000 000 unit 5% syer keutamaan RM1.50 sesyer 400 000 unit syer biasa RM1.00 sesyer

Berapakah modal diterbitkan dan berbayar penuh?

- A RM4 900 000
- B RM3 400 000
- C RM625 000
- D RM400 000

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

34 Manakah betul tentang persembahan Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat Setia Bhd.?

A Ekuiti pemilik

Modal diterbitkan	RM
200 000 unit 5% syer keutamaan	200 000
1 000 000 unit syer biasa	1 000 000
	1 200 000

B Ekuiti pemilik

Modal diterbitkan dan berbayar penuh	RM
200 000 unit 5% syer keutamaan	200 000
1 000 000 unit syer biasa	1 000 000
	1 200 000

C Ekuiti pemilik

Modal diterbitkan	RM
200 000 unit 5% syer keutamaan @ RM1 sesyer	200 000
1 000 000 unit syer biasa @ RM 1 sesyer	1 000 000
	1 200 000

D Ekuiti pemilik

Modal diterbitkan dan berbayar penuh	RM
200 000 unit 5% syer keutamaan @ RM1 sesyer	200 000
1 000 000 unit syer biasa @ RM 1 sesyer	1 000 000
	1 200 000

- 35 Berikut adalah maklumat daripada Syarikat Berlian Berhad.

Pada 1 April 2024, modal diterbitkan dan berbayar penuh terdiri daripada 650 000 unit 4% syer keutamaan berjumlah RM1 300 000 dan 700 000 unit syer biasa berjumlah RM350 000.

Maklumat tambahan:

Pada 31 Mac 2025, syarikat telah mengisytiharkan dividen akhir kepada pemegang syer keutamaan dan 6 sen sesyer kepada pemegang syer biasa.

Berapakah jumlah dividen?

- A RM94 000
 - B RM73 000
 - C RM68 000
 - D RM47 000
- 36 Apakah item dalam Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi Kelab Bola Sepak Warrior?
- A Yuran lapuk
 - B Sewaan gelanggang
 - C Derma jersi pasukan
 - D Susut nilai alatan sukan

[Lihat halaman sebelah]

- 37 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Anak-anak Seni Citrawarna.

	1 Januari 2024	31 Disember 2024
	RM	RM
Yuran belum terima	210	140
Yuran belum terperoleh	-	350

Yuran tahunan adalah sebanyak RM1 400 manakala yuran lapuk RM70.

Manakah catatan yang betul?

A

Akaun Yuran

2024	RM	2024	RM
Jan 1	Yuran belum terima	210	
Dis 31	Pendapatan dan perbelanjaan	1 400	
	Yuran belum terperoleh	350	
		Dis 31	Bank
			1 750
			Yuran lapuk
			70
			Yuran belum terima
			140

B

Akaun Yuran

2024	RM	2024	RM
Jan 1	Yuran belum terima	210	
Dis 31	Pendapatan dan perbelanjaan	1 365	
	Yuran belum terperoleh	350	
		Dis 31	Bank
			1 400
			Yuran lapuk
			70
			Yuran belum terima
			140

C

Akaun Yuran

2024	RM	2024	RM
Dis 31	Pendapatan dan perbelanjaan	1 750	
	Yuran lapuk	70	
	Yuran Belum Terima	140	
		Dis 31	Yuran belum terima
			210
			Bank
			1 400
			Yuran belum terperoleh
			350

D

Akaun Yuran

2024	RM	2024	RM
Dis 31	Pendapatan dan perbelanjaan	1 400	
	Yuran lapuk	70	
	Yuran Belum Terima	140	
		Dis 31	Yuran belum terima
			210
			Bank
			1 365
			Yuran belum terperoleh
			350

- 38 Berikut merupakan maklumat yang dipetik daripada buku Kelab Kulinari Sayong.

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Oktober 2024

	RM		RM
Y	1 200	Yuran ahli	2 400
Sewa	3 600	Z	1 300
Faedah	500		

Apakah butiran **Y** dan **Z**?

	Y	Z
A	Rugi kafe	Honorarium
B	Untung kafe	Honorarium
C	Kadar bayaran	Rugi kafe
D	Kadar bayaran	Untung kafe

- 39 Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Kilang Batik Sutera Damia bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

	RM
Kos Prima	25 000
Sewa kilang	12 000
Utiliti	7 000
Gaji pengurus kilang	33 000

Maklumat Tambahan:

- (i) 80% daripada sewa dan utiliti adalah untuk operasi kilang dan bakinya untuk pejabat.
- (ii) Gaji pengurus kilang adalah RM3 000 sebulan.

Berapakah jumlah kos pengeluaran?

- A RM61 800
- B RM64 800
- C RM73 200
- D RM76 200

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

- 40 Berikut adalah maklumat yang diperoleh daripada Kilang Kasut Millennia, pengeluar kasut sekolah yang beroperasi di Rawang, Selangor.

	RM
Kos tetap	30 000
Kos berubah seunit	30
Harga jualan seunit	50

Berapakah bilangan kasut yang perlu dikeluarkan jika untung sasaran ialah RM50 000?

- A 1 000 unit
- B 1 500 unit
- C 2 500 unit
- D 4 000 unit

KERTAS SOALAN TAMAT

Halaman Kosong